

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 | SELASA

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos baharu untuk mengerjakan ibadah haji dan umrah yang dijangka meningkat susulan perubahan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dikuatkuasakan oleh kerajaan Arab Saudi.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kos untuk seorang jemaah haji Muassasah menunaikan haji (Kos Haji) bagi musim 1440H/2019 lepas adalah RM22,900 seorang. Tiada Kos Haji untuk 2 tahun seterusnya kerana ibadat haji ditangguhkan untuk rakyat Malaysia bagi musim 1441H/2020 dan 1442H/2021 disebabkan pandemik Covid-19.

Kos Haji ini merupakan perbelanjaan bagi kos-kos langsung untuk penerbangan carter haji, penginapan, sajian makan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di Tanah Suci termasuk pengangkutan bas, mutawif dan perkhemahan di Arafah dan Mina.

NO. SOALAN : 11

Lembaga Tabung Haji (**TH**) sedang menyemak dengan terperinci kos-kos ini yang terkesan akibat kadar inflasi serta peraturan dan cukai baru di Arab Saudi. Ianya termasuk caj visa haji yang diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi bermula musim haji 1441H/2020 dan kenaikan kadar cukai tambah nilai (*Value Added Tax*) di Arab Saudi dari 5% kepada 15% bermula bulan Julai 2020.

Kos Haji juga dijangka meningkat disebabkan perkembangan terkini berkaitan prosedur operasi standard dan protokol kesihatan bagi membendung gejala jangkitan Covid-19 di kalangan jemaah haji. Ianya termasuk suntikan vaksin, keperluan ujian PCR untuk masuk ke Arab Saudi serta penjarakan fizikal dan lain-lain langkah keselamatan semasa di Tanah Suci. Pihak **TH** akan memaklumkan Kos Haji untuk musim 1443H/2022 apabila dimuktamadkan kelak.

Berkenaan dengan kos Umrah pula, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) baru-baru telah mengumumkan harga panduan bagi pakej ibadah umrah berdasarkan SOP dan syarat-syarat terkini yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi.

Harga panduan bagi pakej 12 hari 10 malam dalam pengumuman itu adalah RM6,900. Walau bagaimanapun, kadar ini bukanlah harga tetap yang dikawal oleh mana-mana pihak. Sebaliknya, orang ramai boleh menjadikannya sebagai rujukan dan panduan dalam membuat pertimbangan untuk memilih syarikat dan pakej mana yang sesuai dengan bajet mereka. Orang ramai boleh mengambil langkah berhati-hati jika didapati harga yang ditawarkan terlalu rendah atau terlalu tinggi daripada yang telah ditetapkan bagi mengelak kes-kes penipuan pakej umrah. Peningkatan kos ini setelah mengambil kira beberapa faktor terkini melibatkan penginapan, pengangkutan, pengurusan mutawif serta ujian calitan COVID-19.